



**QUEENIE TING**

# Queenie, Kirthana lengkapkan hari gemilang

**Oleh HAKIMI ISMAIL**

[utusannews@mediamulia.com.my](mailto:utusannews@mediamulia.com.my)

**UBON RATCHATHANI:** Emas daripada jaguh lempar cakera wanita negara, Queenie Ting dan R. Kirthana dalam acara lompat tinggi melengkapkan aksi cemerlang skuad olahraga di temasya Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2022.

Queenie yang juga merupakan pemegang rekod kebangsaan acara lempar cakera dengan catatan 52.36 meter (m) berjaya meraih emas selepas melakukan balingan sejauh 49.44m mengatasi rakan senegara Nur Atiqah Sufiah Hanizam.

“Saya gembira dengan kemenangan ini walaupun lontaran yang dibuat tidak seperti disasarkan jurulatih iaitu 51m, sebenarnya kondisi saya tidak begitu baik kerana selepas sampai di Thailand saya demam akibat perubahan cuaca,” katanya.

Sementara itu, Kirthana yang merupakan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) meraih emas selepas berjaya melakukan lompatan 1.54m juga mengatasi rakan senegara, Ng Yu Ji walaupun mereka berkongsi ketinggian yang sama.

Tambahan dua emas itu menyaksikan, olahraga berjaya membawa pulang 11 emas, sekaligus melepasi sasaran tujuh emas yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).